

JARINGAN PENGEMBANGAN ILMU-ILMU AGAMA DI ASIA TENGGARA:
PELUANG DAN TANTANGAN

Dr. Mohd. Muhiden Abd. Rahman, MA^{*}

Abstrak

Peranan para ulama` sebagai pendokong ilmu adalah sangat besar dan tidak dapat dinafikan lagi. Mereka lah yang menjadi tunjang dan asas kepada penyebaran dan pengembangan budaya kelimuan dan keintelektualan sekaligus menjadi paksi kepada kewujudan jaringan pengembangan ilmu-ilmu agama. Jaringan ini telah pun wujud sejak zaman awal Islam dan telah menjadi tradisi sejak zaman berzaman. Artikel ini akan cuba melihat sejarah kewujudan jaringan pengembangan ilmu-ilmu agama dan peranan yang dimainkan oleh para ulama' khususnya ulama` Nusantara. Ia juga akan melihat tentang peluang dan cabaran yang bakal dihadapi oleh jaringan ini dalam era globalisasi.

Abstract

Muslim Scholars have undoubtedly played a vital role as knowledge instigator. They are the core and the founder to the dissemination and expansion of knowledge, culture, and intellectual. It is considered as a backbone to the existence of network expansion of Islamic knowledge. This network was existed in the early Islamic era and become such a tradition for ages. This paper will review the history of the existence of network expansion of Islamic knowledge and the role of Muslim scholars particularly in Nusantara. The paper will also discuss the possibilities and challenges of the network in globalization era.

Pendahuluan

Tidak dinafikan keperluan dan kepentingan kewujudan jaringan perkembangan ilmu-ilmu agama di kalangan umat Islam baik pada peringkat glocal mahupun global. Malah kewujudan jaringan ini yang bertunjangkan para ulama` sebagai teras telah menjadi asas kepada penyebaran dan pengembangan budaya keilmuan dan keintelektualan sekaligus menjadi pencetus kepada peradaban dan tamadun Islam. Ini selaras dengan peranan ulama` sebagai ejen perubahan sosial dan pencorak kehidupan bermasyarakat.

^{*}Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri Kelantan Darulnaim, Malaysia.

Jaringan ini sebenarnya tidak ada batasan geografi dan period. Ia sudah menjadi satu tradisi sejak zaman awal Islam lagi dan ianya berterusan sehingga ke hari ini walaupun dalam kontek dan pendekatan yang berbeza. Ini kerana dinamika Islam di Asia Tenggara tidak terlepas dari dinamika dan perkembangan Islam di kawasan-kawasan lain terutamanya wilayah yang menjadi pusat kecemerlangan ilmu yang disebut sebagai Timur Tengah. Cuma persoalannya sekarang apakah tradisi itu masih wujud dan masih segar dalam ertikata yang sebenarnya atau ia telah mati ditelan zaman dan dimamah usia. Pondasi telah dibangun oleh ulama` terdahulu, tetapi untuk beberapa lama kita lalai dan alpa dari menjaga dan memelihara tradisi silam ini. Maka kini saatnya untuk memulai lagi dan membangun masa depan yang gemilang agar usaha dan kontribusi para ulama terdahulu tidak sia-sia.

Satu Tradisi Satu Perjuangan

Amalan pengembaraan untuk mendapat dan menyebarkan ilmu pengetahuan yang dinamakan 'rehlah ilmiah' merupakan suatu amalan tradisi ulama` silam. Ia merupakan suatu keperluan dan suatu tuntutan agama dalam usaha menjamin penyebaran Islam secara berterusan dan tepat atas landasannya sepanjang masa (Matar al-Zahrani, 1996: 39). Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً، فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

Maksudnya: Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka Telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya

(Surah al-Taubah, 9:122)

Sabda Rasulullah ﷺ:

"مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ"

Maksudnya: Sesiapa yang melalui jalan buat mencari ilmu nescaya dipermudahkan oleh Allah ﷻ jalannya menuju ke Syurga

(Muslim, Sahih, Kitab al-Dhikr wa al-Du`a, Bab Fadl al-Ijtima` `ala Tilawat al-Quran, no. 699)

Tradisi ini bermula sejak zaman sahabat dan diteruskan oleh jenerasi selepasnya sehinggalah ke zaman kegemilangan Islam terutamanya pada abad ketiga hingga keenam Hijrah. Mereka sanggup mengorbankan keselesaan hidup dan keseronokan usia muda dengan merantau ke tempat yang sangat jauh dan dalam tempoh yang sangat lama, menempuh pelbagai bentuk kesukaran semata-mata untuk mendalami ilmu agama dan menyebarkan ilmunya yang pada anggapan mereka merupakan suatu tuntutan dan suatu perjuangan. Faedahnya bukan sahaja untuk diri mereka sendiri, malah untuk masyarakat dan umat Islam keseluruhannya. Segala usaha ini dilakukan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan kerana Allah SWT. Dalam konteks ini, "*rihlah ilmiyyah*" ini berbeza sama sekali dengan apa yang diistilahkan oleh sarjana hadith, Doktor Subhi Salih (1997:66) sebagai "*rihlah riyadiyyah*" yang dilakukan secara suka-suka dengan tujuan untuk mencari populariti. Amalan "*rihlah riyadiyyah*" ini dikatakan wujud seawal abad ke 3 Hijrah dan semakin berleluasa pada abad ke 5 Hijrah.

Hasil dari "*rihlah ilmiyyah*" atau yang disitilahkan sebagai jaringan pengembangan ilmu-ilmu agama inilah maka terbentuknya jaringan ulama` peringkat peringkat global dan global. Di mana aktivitas "*rihlah ilmiyyah*" telah menjadi landasan terhadap keterwujudan jaringan ulama`. Kawasan Asia Tenggara atau Nusantara tidak terlepas dari pembentukan jaringan ini. Malah ramai dari kalangan ulama` dan sarjana Islam Nusantara menimba ilmu-ilmu Islam dengan melakukan "*rihlah ilmiyyah*" ke Timur Tengah seperti Mekah, Madinah, Mesir dan kawasan sekitarnya. Jaringan ulama` inilah yang telah mendasari dan menunjangi penyebaran budaya keilmuan dan keintelektualan Islam di Alam Melayu. Mereka berperan besar dalam menunjang kemajuan dan peradaban Islam.

Tunjang Pengembangan Ilmu Agama di Asia Tenggara

Sebagai landasan dan tunjang kepada pembentukan dan kewujudan jaringan pengembangan ilmu agama di Asia Tenggara, maka Timur Tengah menjadi destinasi awal umat Islam Nusantara. Di sinilah terjadinya transmisi keilmuan dan keintelektualan dari ulama Timur Tengah kepada ulama Nusantara. Ia merupakan suatu perkara yang harus diakui bahawa sebagai daerah Muslim yang periferal, ulama-ulama terkemuka Nusantara sejak awal kedatangan Islam pada abad ke 13M mereka sangat bergantung kepada Timur Tengah. Ini terbukti melalui catatan sejarah bahawa ulama-ulama dan sarjana-sarjana Islam Nusantara kebanyakan mereka berlatarbelakang pendidikan Timur Tengah. Malah sebahagian mereka sememangnya berasal dari Timur Tengah sendiri. Jadi jelas bahawa Islam yang tersebar dan berkembang di Nusantara adalah Islam kearaban, walaupun ada yang menyatakan bahawa Islam tersebar di Nusantara bukan dari Arab secara langsung tetapi dari kaum pedagang dari Asia Selatan seperti India.

Antara ulama dan sarjana Islam Nusantara yang berlatarbelakangkan Timur Tengah dan telah memainkan peranan yang besar dalam usaha mereka mengembang ilmu-ilmu agama di rantau

Asia Tenggara, ialah Syeikh Nuruddin al-Raniri, Syeikh Abdurauf al-Fansuri, Syeikh Abdul Samad al-Palimbani, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Daud al-Fatani, Syed Syeikh al-Hadi, Tok Kenali, Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Ahmad Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Abu Bakar al-Baqir, Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi, Bapak Prof. Hamka, Dr. Burhanuddin al-Helmi dan lain-lain.

Jaringan Pengembangan Ilmu Agama di Asia Tenggara

Jaringan pengembangan ilmu agama di Asia Tenggara telah pun wujud sejak sekian lama. Malah sejarah dunia Melayu tidak dapat dipisahkan dengan Islam dan Islam tidak dapat dipisahkan dengan dunia ilmu. Kedatangan Islam ke Nusantara pada abad ke 13 turut disusuli dengan pengembangan ilmu-ilmu agama yang berjaya melahirkan ribuan tokoh agama yang gigih berjuang menegakkan syiar Islam. Dari sinilah terbentuknya jaringan pengembangan ilmu agama di Asia Tenggara dan ia semakin mantap dan terserlah bermula abad ke 17M. Menurut Azyumardi Azra (1994), jaringan ulama` Nusantara telahpun wujud abad ke 17M lagi. Abad ke 17 sehingga abad ke 20M berjaya melahirkan ribuan ulama dan tokoh ilmuan agama yang menjadi pencetus dan penggerak kepada jaringan pengembangan ilmu agama di Asia Tenggara. Antaranya Syeikh Nuruddin al-Raniri (m. 1658M) seorang ulama` dan ahli debat berketurunan Arab berasal dari Gujerat India kemudian berhijrah ke Aceh dan pernah tinggal di Pahang. Beliau dianggap penulis karya hadits pertama dalam Bahasa Melayu. Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri (m. 1693M) seorang ulama terkenal Asia Tenggara yang berasal dari Aceh dan merupakan pentafsir al-Quran pertama dalam bahasa Melayu. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (m. 1812M) seorang ulama` dan pengarang kitab agama tersohor yang berasal dari Kalimantan. Syeikh Abdul Samad al-Palimbani (m. 1838M) seorang ualama` sufi agung Nusantara yang berasal dari Palembang kemudian merantau ke Perak, Kedah dan Singapura dan dikatakan meninggal dunia di Pattani. Syeikh Daud al-Patani (m. 1879M) seorang ulama dan pengarang prolific tersohor berasal dari Pattani, Selatan Thailand kemudian berhijrah ke Terengganu dan dikatakan meninggal di Terengganu. Syeikh Nawawi al-Bantani (m. 1897M) seorang ulama` berasal dari Banten, Jawa Barat dan dikenali sebagai al-Nawawi al-Thani. Haji Abdur Rahman Limbong (m. 1929M) seorang ulama` dan pejuang kemerdekaan berasal dari Terengganu dan pernah merantau ke Sambas, Jambi, Riau dan Brunei. Tok Kenali (m. 1933M) seorang ulama` terkenal di Tanah Melayu khususnya di Kelantan yang berjaya melahirkan ribuan ulama` bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di Thailand, Kampuchea, Singapura, Brunei dan Indonesia. Syed Syeikh al-Hadi (m. 1934M) seorang agamawan dan reformis Islam yang tidak asing dalam sejarah pendidikan Islam di Tanah Melayu berketurunan Arab dan berasal dari Melaka. Begitu juga dengan Syeikh Tahir Jalaluddin (m.1956M) seorang ulama` dan tokoh reformis Islam yang berasal dari Minangkabau kemudian berhijrah ke Tanah Melayu dan meninggal di Perak. Bapak Prof Hamka (m.1980M) merupakan tokoh ulama` Nusantara yang terkenal sebagai ahli pidato yang

berkarisma. Kemampuan dan kebolehan luarbiasanya adalah manifestasi daripada warisan ulama` dari Nusantara.

Manakala pusat-pusat pengembangan ilmu yang pada awalnya bermula secara tidak formal di masjid-masjid, kemudian berkembang secara formal di pondok-pondok atau pesantran-pesanteran seterusnya ia bertambah mantap dengan tumbuhnya institusi-institusi pendidikan moden seperti sekolah dan universitas. Bermula abad ke 17 sehingga abad ke 20M Kelantan, Pattani dan Aceh dianggap sebagai pusat pertumbuhan dan pengembangan ilmu-ilmu agama terkemuka di rantau Asia Tenggara.

Selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511M, pusat kerajaan dan perniagaan telah berpindah ke Aceh. Berikutan itu Aceh menjadi satu-satunya pusat perniagaan, politik dan juga pusat perkembangan Islam di Nusantara dan ia mencapai kemuncak zaman kegemilangannya pada abad ke 17M. Hasilnya Aceh bukan sahaja terkenal sebagai pusat penyebaran Islam, tetapi juga sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Para cendekiawan digalakkan tinggal atau menetap di Aceh untuk menyebarkan ilmu pengetahuan mereka kepada rakyat Aceh. Malah para pelajar juga digalakkan melanjutkan pelajaran mereka ke Mekah, Mesir dan India. Begitu juga dengan pertumbuhan pusat-pusat pengajian yang dibina oleh kerajaan telah menyemarakkan lagi kegiatan ilmiah (Zalila Sharif, 1993: 46-47).

Selepas Aceh, sebuah lagi pusat perkembangan Islam muncul pada abad ke 19M, iaitu kerajaan Melayu Riau-Lingga. Pada zaman tersebut bahasa Melayu telah mencapai kedudukan yang cukup mantap sebagai bahasa ilmu untuk semua bidang. Pertumbuhan institusi-institusi pendidikan dan sekolah-sekolah di zaman tersebut menambahkan lagi kegiatan ilmiah seterusnya memperkayakan lagi khazanah ilmu dengan karya-karya yang lebih mantap.

Selain dari Kerajaan Aceh dan Riau-Lingga, kerajaan Pattani yang telah wujud sejak abad ke 15M lagi juga memainkan peranan utama dalam menyebarkan agama Islam sekaligus menambahkan lagi pusat perkembangan ilmu di Nusantara. Pusat-pusat pengajian Islam yang dikenali sebagai pondok telah didirikan di beberapa daerah di Pattani. Melalui pusat-pusat tersebut lahirlah beberapa tokoh ulama Pattani yang telah memberi sumbangan yang besar dalam dunia penulisan kitab. (Matheson *et al.*, 1988:19-34)

Di samping Pattani, Kelantan juga turut memainkan peranan sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan Islam. Malah Kelantan juga berjaya melahirkan beberapa tokoh-tokoh ulama yang berjaya menghasilkan beberapa karya-karya Islam. Mereka kebanyakannya mendapat pendidikan dari Pattani dan Timur Tengah. (Nik Aziz Nik Hasan, 1977: 37-54).

Peluang dan Tantangan Pengembangan Ilmu Agama di Asia Tenggara

Berdasar kepada fakta di atas ternyata bahawa Asia Tenggara merupakan pusat pengembangan ilmu agama di Asia Tenggara sejak abad ke 17M lagi ia berterusan sehingga abad ke 20. Namun apakah jaringan pengembangan ilmu agama di Asia Tenggara masih wujud sehingga sekarang dan rantau Asia Tenggara berpotensi dan berpeluang menjadi pusat perkembangan Islam peringkat global ? Jawabannya ya. Kesenambungan pengembangan ilmu-ilmu agama yang dicetuskan oleh ulama` Nusantara bermula abad ke 17 sehingga abad ke 20M masih wujud dan berpotensi untuk diperkasakan lagi sehingga ia menjadi hub pendidikan bertaraf dunia.

Sebagai contoh Negara Malaysia sekarang sedang menuju ke arah hub pendidikan yang tersohor bukan sahaja di rantau Asia Tenggara tetapi sehingga ke peringkat antarabangsa. Kalau dekad 60an sehingga 90an rantau Eropah menjadi tumpuan para penuntut ilmu termasuk ilmu agama. Namun selepas peristiwa 11 September 2001 tumpuan dunia mula beralih dari rantau Eropah ke rantau Asia khususnya Asia Tenggara. Ia bukan saja melibatkan para penuntut biyai sendiri, tetapi juga pihak pemerintah. Pemerintah Malaysia contohnya telah menggubal satu polisi baru dengan mengurangkan penghantaran para penuntut dalam pelbagai bidang ke Negara Eropah dengan memberi tumpuan kepada rantau Asia Tenggara seperti Indonesia dan Malaysia sendiri. Sebagai contoh penghantaran pelajar Malaysia ke Indonesia dalam tempoh enam tahun dari tahun 2001-2006 meningkat 100 peratus. Sedangkan penghantaran pelajar ke Negara Eropah dan Amerika dalam tempoh yang sama menurun lebih dari 200 peratus.

Kesungguhan dan upaya pemerintah menambah bilangan institut perguruan tinggi terutama yang berbasiskan Islam selain dari menjadikan pendidikan Negara bertaraf dunia juga boleh dijadikan bukti bahawa Negara Malaysia khususnya dan rantau Asia Tenggara amnya berpotensi menjadi pusat kecemerlangan ilmu terkemuka di dunia. Justeru bermula era millenium baru Negara Malaysia menjadi tumpuan seluruh umat Islam bukan sahaja dari kawasan Asia Tenggara, malah dari seluruh dunia khususnya dari Timur Tengah. Peningkatan drastik kedatangan pelajar-pelajar luar Negara yang datang dari seluruh dunia disebabkan beberapa faktor, antaranya:

i- Polisi Kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan terunggul di dunia, kerajaan telah menyediakan beberapa ensentif galakan kepada pelajar-pelajar dari luar Negara untuk menuntut di Malaysia. Antaranya ialah dengan menyediakan kuota khusus kepada pelajar-pelajar asing di setiap universiti milik pemerintah terutamanya di peringkat pasca sarjana. Kerajaan juga memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar asing bagi mendapat visa pelajar.

ii- Kemudahan prasarana/infrastruktur dan biaya kewangan dari pihak pemerintah. Pihak pemerintah telah menambah bilangan institut perguruan tinggi dengan dilengkapi kemudahan

canggih dan moden termasuk kemudahan ICT seperti pembelajaran melalui e-learning, kemudahan penginapan dan bantuan biaya kewangan.

iii- Kualitas pendidikan. Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik (center for academic excellence) di rantau Asia dan juga di peringkat antarabangsa, pihak pemerintah berusaha meningkatkan kecemerlangan imej dan kualitas pendidikannya ke taraf dunia atau memperoleh "world class education". Pendidikan bertaraf dunia menunjukkan perkembangan dan kemajuan pesat serta dinamis pendidikan Negara, khususnya dari segi kualiti, kuantiti, standard, dan kecemerlangan. Justeru pihak pemerintah melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan Malaysia Quality Assurance (MQA) bagi menjamin kualitas pendidikan. Ini termasuklah mewujudkan kumpulan pakar dalam bidang-bidang tertentu termasuk bidang agama samaada pakar dari dalam maupun dari luar Negara. Ini merupakan suatu komitmen kerajaan dan kementerian Pengajian Tinggi bagi memperbaiki kualiti pendidikan Negara supaya ia mencapai satu standard yang tinggi dan mampu menyaingi Negara maju yang lain.

Di sebalik peluang yang terbuka luas, terdapat tantangan yang seharusnya diberi perhatian serius dalam proses menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai hub pendidikan di peringkat global. Antara tantangan tersebut ialah mampukah kita mengembalikan rantau Asia Tenggara ke zaman kecemerlangan dan kegemilangan ilmu sebagaimana yang dicetus dan digerakkan oleh ulama` Nusantara bermula abad ke 17 hingga abad ke 20M. Di mana zaman tersebut telah berjaya melahirkan ribuan alim ulama` dan tokoh reformis Islam yang gigih berjuang menyebarkan dan mengembang ilmu-ilmu Islam dan pada masa yang sama mereka juga berjuang menegakkan syiar Islam sehingga mereka berjaya menjadi penunjang kepada peradaban dan tamadun Islam. Ini selaras dengan matlamat pendidikan Islam, iaitu menanam nilai-nilai fundamental Islam kepada setaip muslim tanpa mengira apa disiplin sekalipun. Mereka juga berjaya menanam kefahaman bahawa ilmu pengetahuan tanpa asas iman dan Islam adalah pendidikan yang pincang dan tidak utuh.

Tiadanya kerjasama yang mantap dan utuh sama ada antara institusi-institusi pendidikan dan lembaga-lembaga Islam maupun antara satu Negara dengan Negara yang lain di Asia Tenggara. Usaha bagi menjalinkan hubungan yang erat ini perlu dimuali dari sekarang agar jaringan atau networking pengembangan ilmu yang dicetus dan didirikan oleh para ulama' terdahulu tidak menjadi sia-sia. Malah seharusnya ia di pertahan, di perkasa dan dimartabatkan sehingga pendidikan Islam menjadi tunjang kepada seluruh pendidikan umum. Di pihak lain, institusi pendidikan Islam juga harus melepaskan diri dari blue-print lamanya dengan memodenisasi sistem dan metod pendidikan agar tidak ketinggalan dari perkembangan sains teknologi yang begitu pesat.

Penutup

Usaha ini boleh dianggap sebagai satu kontribusi agar umat Islam lebih mampu mengapresiasi bahwa sesungguhnya para ulama` bukan orang terkebelakang dan tanpa sumbangan bermakna. Mereka juga orang-orang hebat, orang-orang yang punya tradisi keilmuan yang hebat dan dikagumi banyak dunia luar. Mereka adalah pencetus pengembangan ilmu dan Islam di Nusantara dan seharusnya mereka menjadi *role model* kepada generasi akan datang agar apa pun tindakan mereka semestinya berlandaskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Bibliografi

- Azyumardi Azra. 1994. *Jaringan Ulama` Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara*. Bandung. Pustaka al-Mizan.
- Nik Abd. Aziz Nik Hasan. 1977. *Sejarah Perkembangan Ulama` Kelantan*. Kota Bharu. Kelantan. pakatan Tuan Tabal.
- Zalila Sharif *et al.* 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Mohd. Saghir Abdullah 2004. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. j. 6. Kuala Lumpur. Khazanah Fathaniyyah.
- Matar al-Zahrani. 1996. *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Riyadh. Dar al-Hijrah.
- Subhi Salih. 1997. *Ulum al-Hadith wa Mustalahuh*. Beirut. Dar al-`Ilm li al-Malayin.
- Tajuddin Saman *et al.* 2005. *Tokoh-Tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. kuala Lumpur, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ismail Che Daud. 2001. *Tokoh-Tokoh Ulama` Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu Kelantan. Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- TIM Penulis IAIN Ar-Raniry. 2004. *Ensiklopedi Pemikiran Ulama Aceh*. Aceh Darussalam. IAIN Press
<http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com>
<http://www.mohe.gov.my>
<http://www.sidogiri.com>